



## MENARIK DI DALAM..

Lawatan Staff Hepa Ke Luar Negara 03

Program Pembangunan Saksiah dan Modal Insan 04

Tilawah Al-Quran Peringkat IPT dan Jemputan Asean 06

Jalinan De Hearthly - Rehlah Ramadhan 06

Sambutan Merdeka ke 51 07

Laporan Ziarah Seni 08

Kem Waja Diri Mahasiswa Perkasa 08

Sambutan Hari Raya,Meriah 09

Majlis Anugerah Sijil Siri-2 10

Moon Festival UTeM 10

Pemain Muda UTeM KROONS Naib Johan 15

### IHYA RAMADHAN...

### PESTA KONVO KE-4...

## Meriah Dengan Pelbagai Aktiviti

### Majlis Perwakilan Pelajar

## 7 Kerusi Umum dan 15 Kerusi Fakulti dipertandingkan!

LB  
3602  
.B84  
2008  
a  
v2

Di atas perlantikan Majlis Perwakilan Pelajar SESI 2008/2009



Sidang **REDAKSI**

- **Penaung**  
Y.Bhg.Prof.Dr.Zolkepli b.Buang
- **Penasihat**  
En.Zainal b. Bidin
- **Editor**  
En.Mahathir Bin Mazizan
- **Pengarang**  
En. Tinta Firmannika Bin Selamat  
En. Zainuddin Bin Abdul Rahman  
En. Deenoo Aizad Abadi b. Md.Noh  
En. Md Nor Bin Ali  
En. Amir b. Ali  
Pn.Mazne bt. Jaafar  
Pn. Rafidah bt. Md Dusa  
Pn. Idamurni bt. Ismail  
Pn. Raffidah bt. Haron  
Cik Nurhafizah bt. Yusoh  
Cik Hadibah bt. Tahir  
Cik Musliha bt. Yusoff
- **Pembaca Prof**  
Pn. Adawiyah bt. Md Jani  
Cik Sulaina bt. Kamaruddin
- **Publisiti & Promosi**  
Pn. Nazhatul Shima bt. Abu Samah  
Pn. Sabrina bt. Hj Saleh
- **Grafik**  
En. Mohd Faizal bin Ghazali  
En. Fadzly bin Nordin
- **Terima Kasih & Penghargaan**  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA)

**Coretan Dekan HEPA**

**PROFESOR  
DR. ZOLKEPLI BIN BUANG**  
Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni,  
UTeM

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Tahun 2008 kini menghampiri ke penghujung tahun. Pelbagai program, kejayaan dan sejarah telah dicatatkan dalam kalendar Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni (HEPA), UTeM. Secara ringkasnya, tahun ini memperlihatkan HEPA telah ditadbir urus hampir 80% oleh muka-muka baru bermula dari pucuk pimpinan, pegawai tadbir sehinggalah kepada staf-staf sokongannya. Pastinya ini memberikan satu cabaran yang besar namun sangat bermakna bagi kami semua dalam mengurus dan mentadbir HEPA. Bagi mencapai visi dan misi, HEPA memikul tanggungjawab yang penting antaranya memantapkan program pembangunan pelajar setanding dengan IPTA lain.

Di kesempatan ini, saya dan seluruh warga Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni, mengalu-alukan kehadiran Mahasiswa/wi baru ke UTeM pada 29 Jun 2008 yang lalu dan tahniah kerana telah berjaya menamatkan Minggu Haluan Siswa sesi 2008/2009 dengan jayanya.

Pada tahun ini, pelbagai program yang telah dirangka oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan Universiti untuk memberi ruang kepada pelajar dalam menonjolkan bakat, kreativiti dan kepemimpinan. Semangat perpaduan di kalangan pelajar perlu ditingkatkan dengan memastikan penyertaan pelajar dari pelbagai kaum, bangsa dan agama dalam sesuatu program. Di samping sentiasa menerapkan nilai-nilai murni dan meningkatkan keupayaan kemahiran insaniah bagi membentuk peribadi mulia serta sahsiah yang cemerlang dalam diri setiap pelajar.


Tahap kecemerlangan dalam bidang akademik perlu sentiasa diberikan keutamaan oleh pelajar kerana ianya merupakan pengukur tahap seseorang pelajar. Justeru, pelajar perlu bijak mengimbangi antara akademik dan kokurikulum. Manfaatkan masa dengan sebaik-baiknya semasa masih bergelar pelajar di universiti dan rebutlah setiap peluang yang mendatang sebagai nilai tambah kepada tahap kredibiliti untuk bersaing dalam pasaran dan persekitaran dunia global yang sentiasa menuntut perubahan. Masih banyak cabaran dan rintangan yang bakal mendatang untuk ditemпуhi dan jadikanlah setiap cabaran itu sebagai pembakar semangat untuk meraih kejayaan.

Tahun ini juga bakal melakar sejarah apabila HEPA bersama pusat pentadbiran dan fakulti yang lain akan berpindah dan beroperasi di Kampus Induk di Durian Tunggal, Melaka mulai November 2008. Seajar dengan pelan strategik Universiti antaranya "Create Student Friendly & Conducive Environment", HEPA kini akan memasuki fasa baru dalam merealisasikan segala perancangan bagi menyediakan kemudahan pelajar yang lebih kondusif dan mesra pelancar khususnya kemudahan pembelajaran dan instruktur yang efisien dan praktikal.

Baru-baru ini juga, UTeM telah menyaksikan pilihan pucuk pimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi sesi 2008/2009 pada 16 Oktober 2008 yang lalu. Pemilihan ini adalah bagi mengantikan pucuk pimpinan MPP bagi sesi 2007/2008. Di coretan ini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan MPP sesi 2007/2008 atas segala komitmen yang diberikan sepanjang tempoh perkhidmatan. Manakala, bagi barisan MPP yang baru, tahniah saya ucapkan. Semoga dengan amanah yang diberikan dapat merealisasikan serta menjalankan tugas untuk kebajikan pelajar khususnya dan kebaikan universiti amnya.

Semoga pencapaian dan pengalaman sepanjang tahun 2008 ini menjadi penggerak dan pencetus semangat anda sebagai pelajar bagi mengejar kejayaan yang lebih cemerlang dan mencapai impian pada tahun baru nanti. Selamat maju jaya menjalani peperiksaan yang bakal menjelang.

Sekian, wassalam dan berjumpa lagi di keluaran buletin seterusnya.

**Kandungan**

PERPUSTAKAAN

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.


Selamat bertemu kembali pada Buletin edisi ke-2 sesi 2008 ini. Alhamdulillah, bersempena dengan bulan syawal yang berbaki ini, ingin saya mengucapkan Selamat Hari Raya Maaf Zahir & Batin kepada semua warga kampus UTeM. Selesailah sudah sambutan Aidilfitri yang mulia dengan penuh keriangian berserta ketaqwaan kepadaNya. Meskipun Bulan Ramadhan telah berlalu, namun saya berharap agar setiap daripada kita semua masih lagi tekun dalam mempertingkatkan amal ibadat seharian dan semoga senantiasa berlingung di bawah naunganNya yang Esa.

Di sini juga, masih belum terlewat untuk saya mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada pelajar baharu sesi 2008/2009 yang telah menjadi sebahagian daripada warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Tanamkan keazaman dan kesungguhan yang jitu dalam mencapai kecemerlangan di dalam semua bidang khususnya akademik. Penglibatan dalam kokurikulum juga amat penting dalam membentuk citra, minda dan jiwa generasi muda, siswa dan siswi yang berdaya saing dalam pencapaian akademik dan mengurus organisasi yang menampakkan keunggulan.

Selain dari apa yang dilaksanakan oleh UTeM, pelajar akan senantiasa diingatkan tentang peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam meningkatkan prestasi dan potensi diri. Sebagai pelajar universiti, kita semua akur bahawa setiap pelajar mempunyai agenda, strategi dan matlamat yang berbeza-beza. Apapun kaedah yang digunakan, pelajar perlu lebih peka dengan kehendak global dalam melakukan sesuatu perubahan dalam diri agar lebih ber sistematik dan terpelajar.

Sekian dahulu untuk kali ini dan semoga bertemu lagi dalam keluaran yang akan datang.

Salam Ukhwah.



**Kandid**

**UTeM berpindah pejabat!**



Universiti Teknikal Malaysia Melaka

No. Perolehan MK (#)	No. Panggilan
40330	LB
	3602
	-384



### LAWATAN STAF HEPA KE LUAR NEGARA

Seramai lima orang pegawai HEPA telah berpeluang mengikuti lawatan ke luar negara iaitu :

**18- 26 Mei 2008**, En. Ahmad Faizal bin Abdul Rahman, Penolong Pendaftar Unit Pentadbiran merangkap Unit Aktiviti Pelajar dan En. Abdul Halim Hakim bin Abdul Aziz, Pengetua Kolej Kediaman Murni UTeM telah mengikuti lawatan kerja ke Eropah anjuran Sekretariat Majlis Tatatertib dan Disiplin Universiti-Universiti Malaysia (MATDUM). Seramai 21 peserta dari kalangan Timbalan Naib Canselor, Timbalan Rektor, Timbalan Pendaftar, Ketua Pendaftar, Ketua Penolong Pendaftar, Penolong Pendaftar dan Pegawai terlibat dalam lawatan kerja ini. Lawatan ini juga dihadiri oleh Pegawai Undang-Undang, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Antara objektif utama lawatan ini adalah membuat kajian dan perbandingan berhubung pengurusan disiplin pelajar di Universiti-Universiti terpilih di Eropah, mencari dan mengenal pasti "best practices" berkenaan prosedur di dalam menangani hal-hal berkaitan disiplin pelajar memandangkan kebanyakan negara Eropah merupakan negara Kristian Katolik, pihak MATDUM juga berkesempatan melihat tatacara pengendalian permasalahan dan cara-cara penyelesaiannya berlandaskan moraliti agama Kristian dan meningkatkan pengetahuan serta informasi ahli-ahli MATDUM tentang perkara-perkara berkaitan dengan disiplin pelajar.

Pada lawatan kali ini, mereka berkesempatan melawat ke Carlos III, University of Madrid, Spain, Kedutaan Besar Malaysia di Madrid, Spain, University of Munich / Ludwig Maximilians University, Germany, Hogeschool van Amsterdam / University of Applied Science, Amsterdam, Mahkamah Keadilan Antarabangsa, The Hague, Belanda dan Islamic University of Rotterdam, Netherlands.

Prof Dr. Zolkepli Bin Buang, Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Puan Mazne Bte Ja'afar telah berpeluang mengikuti program Majlis Perumahan Universiti Malaysia (MAPUM). Lawatan ini telah dibahagikan kepada dua kumpulan dimana Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang telah mengikuti kumpulan Australia dan Puan Mazne Bte Ja'afar telah menyertai kumpulan ke Hong Kong dan Shenhen dari 3 hingga 7 Jun 2008.

Antara objektif program ini ialah untuk melihat dan mengkaji kesesuaian "standard" kemudahan penginapan yang dilaksanakan di IPTA tempatan. Bagi kumpulan yang mengikuti program lawatan ke Australia pula telah melawat asrama di Royal Military Institute of Technology University, University Of Melbourne dan Victoria university. Manakala kumpulan yang ke Hong Kong dan Shenzhen University telah melawati asrama di University Of Hong Kong, Shenzhen University, Shenzhen Polytechnic dan City University Of Hong Kong.

Manakala pada 3-11 Ogos 2008 pula, Puan Rafidah diberi peluang untuk mengiringi tiga orang pelajar iaitu Nik Mohd Afiq Bin Nik Mohd Arif , Muhammad Thoriq Bin Mohamad Zaid dan Nurul Azlin Binti Abdul Khalid. ke Majlis Kepimpinan & Latihan Universiti-Universiti Malaysia (MAKLUM) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dimana program ini telah disertai oleh pemimpin-pemimpin pelajar dari semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. Program ini telah diselenggarakan dengan tiga pembahagian zon iaitu Zon Pulau Jawa, Zon Sulawesi dan Zon Kalimantan yang disertai oleh delegasi UTeM, UPM, UTHM, USIM, UTM dan UIAM .

Lawatan ini bertujuan menjalinkan hubungan bistari antara pemimpin pelajar IPTA Malaysia dengan pemimpin pelajar IPTA Indonesia selain mengeratkan ukhuwah yang sedia ada terjalin. Delegasi ini juga berkesempatan mengadakan kunjungan rasmi di Universiti Lambung Mangkurat dan Universiti Palangka Raya di Banjarmasin, Kalimantan Indonesia. Program seumpama ini banyak memberi manfaat dan impak positif kepada delegasi UTeM untuk terus menjadi pemangkin kepada universiti dan meningkatkan elemen-elemen Kemahiran Insaniah serta apa yang lebih penting adalah kesedaran betapa pentingnya menjadi pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka .




### MINGGU HALUAN SISWA SESI 2008/2009

Pada 29 Jun 2008 telah menyaksikan Kampus Industri, UTeM meriah dengan kehadiran pelajar-pelajar baru yang mendaftar bagi sesi 2008/2009. Bagi pengambilan sesi ini, UTeM telah menerima seramai 1890 orang pelajar baru yang akan mengikuti pengajian dalam pelbagai bidang teknologi maklumat, mekanikal, pembuatan, elektrik dan elektronik. Pendaftaran pelajar yang bermula pada jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang telah berjalan dengan lancar. Melalui proses pendaftaran yang teratur dan bersestematik, pelajar-pelajar baru hanya mengambil masa 5 hingga 10 minit bermula daripada kaunter Pusat Komputer sehinggalah ke kaunter cenderahati dan seterusnya pelajar bergerak ke kolej kediaman masing-masing.

Minggu Haluan Siswa yang berlangsung pada 29 Jun hingga 4 Julai 2008 diwajibkan kepada semua pelajar baru telah dilaksanakan dengan jayanya. Pelbagai pengisian disediakan untuk pelajar-pelajar baru bertujuan memberi kefahaman kepada pelajar mengenai matlamat, fungsi dan struktur Universiti, memupuk dan menyuburkan nilai-nilai murni umpamanya hormat-menghormati, jujur, tolong-menolong, bertoleransi di samping mempunyai ketahanan dari segi Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual (JERI). Di samping itu juga, pelajar baru diberi peluang mengenali proses pengajaran dan pembelajaran yang bersestematik serta suasana kehidupan kampus yang ceria dan melahirkan pelajar yang bermotivasi diri, mampu mengurus masa dengan cekap serta berdaya saing dan kompetitif.

Antara slot pengisian Minggu Haluan Siswa sesi 2008/2009 adalah Ucapan Aluan Dekan HEPA, Majlis Bersama Naib Canselor UTeM, Taklimat Hal Ehwal Pelajar, Sesi bersama TNC (Akademik & Antarabangsa), Taklimat Sistem akademik, Taklimat Majlis Perwakilan Pelajar Sesi 2007/2008, Campus Tour, Forum-forum dan Malam Kebudayaan serta Majlis Penutupan MHS 2008/2009. Di samping itu, pelajar-pelajar baharu juga didedahkan dengan pelbagai slot LDK, antaranya Tak Kenal Maka Tak Cinta, Universiti Impianku, Kemahiran Berkommunikasi, Saya Mahasiswa UTeM, Satu Harapan, Kemahiran Kepimpinan, Etika dan Moral Profesional, Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah, Pembelajaran Berterusan dan Pengurusan Maklumat, Kemahiran Keusahawanan dan Kemahiran Berpasukan. Minggu Haluan Siswa pada kali ini telah dirasmikan pada 1 Julai 2008 oleh Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Idris Haron dan turut dihadiri oleh Naib Canselor UTeM, Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan.

Program Minggu Haluan Siswa yang menjadi program tahunan Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni ini diharapkan agar dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dengan semua warga UTeM seterusnya melahirkan graduan kelas pertama dalam menyumbang kepada pembangunan negara ke arah kecemerlangan yang berterusan. Bahagian Hal Ehwal dan Alumni mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pegawai-pegawai dan staf-staf yang terlibat dan bertungkus-lumus dalam memastikan program ini berjalan dengan lancar.



## BENGGEL RANCANGAN PERNIAGAAN

Bengkel Rancangan Perniagaan telah diadakan pada 12 Julai 2008 bertempat di Hotel Seri Malaysia, Ayer Keroh, Melaka. Seramai 15 orang pelajar telah mengikuti Modul 1 hingga Modul 6 Rancangan Perniagaan termasuk dalam Latihan Keusahawanan Siswa (LKS) yang mana ia adalah satu program yang dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MECD).

Bengkel tersebut bertujuan membantu peserta-peserta menyiapkan, memberikan pengetahuan dan membentangkan Rancangan Perniagaan dalam memenuhi keperluan Modul 7 dan sekaligus menamatkan latihan. Ia juga bertujuan membantu peserta membuat persediaan awal melalui pendedahan dalam memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Prof. Dr. Salleh bin Yahya, Pengarah Pusat Pembelajaran Berterusan UTeM telah dijemput untuk menyampaikan ceramah dan mengendalikan bengkel.



## ZIARAH SENI MUZIKA UTeM - UNIMAS



Program Ziarah Seni Muzika UTeM-UNIMAS, anjuran Unit Kebudayaan & Warisan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni telah diadakan pada 24-26 Julai 2008 bertempat di UNIMAS, Sarawak. Seramai 10 orang ahli Kumpulan Orkestra UTeM telah menyertainya. Program ini adalah bagi meraikan kejayaan Kumpulan Orkestra UTeM yang telah menjuarai pertandingan Fiesta Muzika MAKUM selama 2 tahun berturut-turut pada tahun 2007 dan 2008 selain memberi pendedahan dan pengalaman baru yang menyenangkan kepada ahli. Antara aktiviti yang telah diadakan

pada lawatan kali ini ialah mengadakan persembahan di Experiment Theatre UNIMAS, lawatan ke Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif selain melawat Bangunan Canselori, Perpustakaan UNIMAS dan sebagainya. Selain itu juga kami dibawa melawat ke Perkampungan Budaya Sarawak, Bandar Kuching dan banyak lagi. Pada kali ini, Program Ziarah Seni Muzika UTeM-UNIMAS turut dimeriahkan dengan kehadiran wakil TNC Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UNIMAS dan Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM. Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang.

## Program Pembangunan Sahsiyah Dan Modal Insan Mahasiswa Keindahan Bersamamu (KBM)

25-27 Julai 2008, Tiram Indah Village, Johor Bahru:Exco Kerohanian MPP dengan kerjasama Unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah mengadakan Program Pembangunan Sahsiyah dan Modal Insan Mahasiswa Keindahan Bersamamu (KBM). Seramai 104 orang pelajar UTeM yang terlibat dalam kem tersebut yang terdiri daripada 50 orang siswa, 47 orang siswi dan 7 orang fasilitator. Kem ini sepenuhnya menggunakan khidmat konsultansi KBM Excellence yang membawa modul yang sangat menarik dan segar serta sangat sesuai untuk jiwa remaja masa kini. Secara keseluruhannya program ini berjalan dengan lancar dan mendapat respon yang sangat positif dari kalangan peserta.



Pada hari pertama, Majlis perasmian telah disempurnakan oleh En Zainal B. Bidin yang mewakili Y.bhg Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang, Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UTeM. Sepanjang program dijalankan selama 3 hari 2 malam, para peserta didedahkan dengan pelbagai modul yang dapat menginsafi diri. Peserta juga didedahkan dengan pengembaraan fizikal dan mental yang mencabar di kawasan hutan dengan menggunakan pendekatan ayat-ayat Al-Quran sebagai petunjuk untuk mencari jawapan sekaligus mendedahkan kepentingan al-Quran kepada peserta. Modul-modul yang disajikan banyak menyentuh emosi peserta antara hubungan sesama Ibu Bapa, Rasulullah dan Yang Maha Esa serta saat-saat kematian.

Antara objektif utama program tersebut adalah untuk menyerapkan semangat pembinaan generasi modal insan dan bersahsiyah serta membimbing para mahasiswa dalam mengenal tanggungjawab sebagai seorang anak, mahasiswa, sahabat, masyarakat dan hamba Allah. Selain itu, ianya dapat membimbing mahasiswa menghargai diri, menanam semangat jati diri dan mengaplikasikan teknik-teknik dalam mencapai kecemerlangan.

### Seminar

## Siswazah Tani Nasional 2008

**26 Julai 2008**, Dewan Serbaguna Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani, Putrajaya: Seramai 20 orang pelajar UTeM telah menyertai Seminar Siswazah Tani Nasional 2008 anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi. Seminar ini mensasarkan objektif untuk memberi peluang interaksi sebagai medium penyampaian maklumat kepada siswazah yang berminat dalam bidang pertanian selain memberi fokus kepada kumpulan sasar

untuk memberi idea dalam bidang pertanian yang belum diteroka secara progresif serta menjadikan agensi yang terlibat sebagai pusat rujukan kepada siswazah yang baru menceburi bidang pertanian.

Pelajar diberi pendedahan yang berkaitan dengan pertanian yang merupakan satu bidang kerjaya, pendedahan mengenai latihan dan bantuan kewangan yang disediakan. Pelajar juga didedahkan dengan beberapa taklimat antaranya Dasar Pertanian Negara, Motivasi Usahawan dan Forum Bicara Tani. Majlis penutupan dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh YB Dato' Mustapa bin Mohamed, Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani.

\*\*\*\*\*

## PERTANDINGAN CATUR BISTARI IPT PERINGKAT NASIONAL( ZON SELATAN) & PERINGKAT NASIONAL( AKHIR)

27 Julai 2008, Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Segamat, Johor:** **Pertandingan Catur Bistari IPT** dianjurkan bersama oleh Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Johor Corporation dan Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia UiTM (MEDEC). Ia bertujuan bagi mencetuskan minat dan kesedaran kepada para pelajar dalam aspek yang berkaitan dengan bidang pengurusan kewangan dan keusahawanan. Antara kategori yang dipertandingkan ialah:-

- 1.1 Kumpulan Pertama Ke Laluan Tjajah
- 1.2 Kumpulan Pertama Ke Laluan Jihad Bisnes
- 1.3 Nilai Bisnes Amal Tertinggi
- 1.4 Nilai Aset Tertinggi



Sebanyak 42 buah pasukan dari pelbagai IPT Zon Selatan telah menyertai pertandingan tersebut. UTeM telah menghantar 7 kumpulan dan 5 kumpulan telah berjaya memasuki saringan ke 2. Kelayakan ke saringan ke 2 dikira berdasarkan Nilai Aset Tertinggi. Dalam saringan ke 2, hanya 2 kumpulan yang layak ke pertandingan akhir Peringkat Nasional yang akan diadakan pada 16 Ogos 2008 di Persada Johor, Johor Bahru. Antara kejayaan yang dicapai:

Tempat Pertama - Nilai Aset Tertinggi ( RM 49 juta )  
( Hadiah : Sijil Penyertaan, Plaque & RM 700.00 )

Tempat Kedua - Nilai Aset Tertinggi ( RM 42 juta )  
( Hadiah : Sijil Penyertaan, Plaque & RM 500.00 )

Di peringkat akhir, sebanyak 40 buah pasukan dari pelbagai IPT di 6 Zon telah menyertai pertandingan tersebut. Setelah berakhir pertandingan, hanya sebuah pasukan dari UTeM menduduki tangga 10 teratas iaitu mendapat tempat ke 5 dengan mengumpul Nilai Aset RM 158 juta. Pasukan tersebut mendapat hadiah saguhati yang berupa baucer dan sijil penyertaan. Majlis penyampaian hadiah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi.



## Ekspedisi Bujang Lapuk

**1-3 Ogos 2008**, Gunung Bujang Melaka, Bandar Kampar, Tapah, Perak: Satu ekspedisi telah dijalankan yang diberi nama XPDC Bujang Lapuk anjuran Kelab Rekreasi & Sukan Ekstrim (KEREX) UTeM dengan kerjasama Unit Alumni dan Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Seramai 61 orang peserta, 10 orang ahli jawatankuasa dan 2 orang pegawai pengiring telah terlibat di dalam ekspedisi ini.

Gunung Bujang Melaka terletak di Tapah, Perak, mempunyai ketinggian setinggi 1234 meter (4,048) kaki. Gunung Bujang Melaka mempunyai hutan Dipterokarp Bukit, hutan Dipterokarp Atas dan hutan Montane. Terdapat juga banyak flora di gunung ini yang mempunyai nilai perubatan. Ia terletak di Hutan Simpan Saham Kampar yang mana bermula dari kawasan perkelahan Air Terjun Batu Berangkai Kampar. Ketinggian yang mencecah 4,048 kaki menyebabkan suasana sejuk dan dingin pada siapa yang bermalam di puncaknya mahupun di Camp Lebah.

Antara objektif utama program ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar untuk bergiat secara aktif dalam aktiviti luar, memotivasikan diri dalam pengawalan stress, pengurusan masa, disiplin, kerjasama berpasukan dan kepimpinan berterusan serta melahirkan generasi kepimpinan di kalangan pelajar angkatan baru untuk memastikan aktiviti berunsur rekreasi dapat diteruskan. Selain itu, ianya dapat meningkatkan keyakinan diri di samping peka dan sedar terhadap kepentingan mengharungi segala cabaran untuk mencapai kejayaan di puncak yang satu serta memupuk kasih dan sayang terhadap alam semulajadi.





## EKSPLORASI JALINAN DE HEARTY (REHLAH MAHABBAH)

2 Ogos 2008, Taman Botanical, Ayer Keroh, Melaka: Kelab Badan Dakwah Dan Rohani (BADAR) dengan kerjasama Unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTeM telah mengadakan Eksplorasi Jalinan De Hearty (Rehlah Mahabbah). Seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada mahasiswa/i baru sesi 2008/2009 telah menyertai program ini dan seramai 20 orang Ahli Jawatankuasa telah dilantik bagi melancarkan lagi perjalanan program tersebut.

Antara objektif program ini adalah untuk membentuk mahasiswa yang seimbang fizikal dan mental, merapatkan hubungan di antara ahli-ahli kelab, melahirkan golongan Ulul Albab dan melahirkan mahasiswa yang mampu berkepercayaan dan berkepercayaan. Ustaz Yusra Bin Baharuddin (Pegawai Syariah Mahkamah Syariah Melaka) dijemput sebagai penceramah jemputan bagi slot Eksplorasi Nurani.

Semoga dengan adanya program seumpama ini dapat menjadi langkah permulaan dalam melatih serta memberi kesedaran kepada peserta mengenai kepentingan saling bekerjasama dan hidup berpasukan dalam menjalankan tugas seharian berlandaskan syariat Islam.

## LAPORAN SEMINAR KEBANGSAAN PENGHAYATAN RAMADHAN DI USM, PULAU PINANG



2-3 Ogos 2008 (30 Rejab & 1 Sya'ban 1429): Seramai 30 orang mahasiswa UTeM diiringi seorang pegawai Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pn. Nazhatul Shima Bt Abu Samah telah menyertai satu Seminar Kebangsaan Penghayatan Ramadhan sempena sambutan ulangtahun ke-25 Pusat Islam Universiti Sains Malaysia anjuran Pusat Islam USM dengan kerjasama Jabatan Mufti Pulau Pinang yang berlangsung selama 2 hari.

Antara objektif utama seminar ini adalah untuk memantapkan penghayatan berhubung ibadah puasa di samping menjadikan wacana untuk meningkatkan kefahaman Fiqh berhubung ibadah puasa serta menjelaskan hukum dan isu semasa berkaitan amalan-amalan sepanjang Ramadhan. Seminar ini juga membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan ibadah puasa secara bersepadu berdasarkan perspektif Al-Quran dan as-Sunnah, meliputi pelbagai mazhab utama fiqh ke arah persediaan dan kefahaman yang mantap, sebagai persiapan menjalani ibadah puasa yang bakal menjelang.

UTeM merupakan universiti yang paling ramai menghantar wakil. Dengan pembentangan 23 kertas kerja yang mencakupi semua persoalan berhubung dengan pelaksanaan ibadah puasa Ramadhan, ia mempunyai nilai ilmu yang sangat tinggi dan bermanfaat kepada para peserta serta dapat meningkatkan kefahaman umat Islam berkaitan pelaksanaan ibadah puasa Ramadhan.

## Tilawah Al-Quran Peringkat IPT Dan Jemputan Asean Kali Ke-3 Peserta Qari UTeM Naib Johan

4-6 Ogos 2008, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak: UTeM telah menghantar seorang pelajar (Qari), Mohamad Zuhilmi Bin Ibrahim sebagai wakil ke Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat IPT dan Jemputan Asean kali ke-3. Majlis itu telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Aminah bt Ayob selaku Naib Canselor UPSI. Seramai 20 orang Qari dan Qariah dari pelbagai IPT dari seluruh Malaysia serta beberapa orang wakil jemputan Asean memperdengarkan bacaan.

Pada hari ketiga, majlis penutup diadakan di Auditorium UPSI yang bermula pada jam 8 malam. Perasmian penutup telah disempurnakan oleh Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu Yang Berbahagia Datuk Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz. Alhamdulillah, Qari dari UTeM telah berjaya mendapat tempat ke-2 dari 25 peserta.

Antara pemenang bahagian Qari:

- Tempat Pertama : Politeknik Kota Bharu
- Tempat Kedua : Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
- Tempat Ketiga : Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Bagi pemenang bahagian Qariah,:

- Tempat Pertama : Universiti Teknologi Petronas (UTP)
- Tempat Kedua : Universiti Sains Malaysia (USM)
- Tempat Ketiga : Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Kejayaan ini sedikit sebanyak berjaya mengangkat nama Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Semoga pada tahun mendatang, wakil dari UTeM akan terus mencapai kejayaan yang lebih gemilang.



## SAMBUTAN KEMERDEKAAN UTeM KE-51

Dengan bertemakan “Perpaduan Teras Kejayaan”, pihak UTeM tidak ketinggalan melibatkan diri dalam sambutan ulang tahun kemerdekaan Malaysia kali ke 51 tahun. Sambutan kemerdekaan ini telah berlangsung dengan jayanya. Pelbagai aktiviti menarik telah diatur dan disediakan yang mana ianya bermula dengan acara Perasmian Bulan Kemerdekaan pada 13 Ogos 2008. Ianya telah disempurnakan oleh Dekan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Zolkepli Bin Buang bertempat di Kafeteria Kampus Industri.

Antara aktiviti-aktiviti menarik yang telah dijalankan sepanjang bulan kemerdekaan iaitu Pertandingan Montaj Kemerdekaan, Tayangan filem-filem kemerdekaan seperti Sarjan Hasan, Hati Malaya, Paloh, Embun dan sebagainya. Selain itu juga, acara lain seperti Malam Kesenian Islam, Pertandingan Pidato Kemerdekaan, Bakti Siswa Merdeka di Kg. Paya Rumpit Jaya (PARUJAS) Sg. Udang, Majlis Bacaan Yasin, Tahlil, Solat Hajat dan Ceramah Kemerdekaan yang telah diadakan di Masjid Al-Alami, MITC, Ayer Keroh. Pada malam tersebut, penceramah jemputan ialah Ustaz Ridhuan Tee Abdullah, penceramah yang tidak asing lagi.

Manakala, pada 29 Ogos, satu Forum Kemerdekaan bertajuk “Merdeka: Pengisian dan Makna Dalam Konteks Generasi Muda” telah diadakan bertempat di Kafeteria Kampus Industri di mana panelnya terdiri daripada Datuk Prof. Madya Zainal Abidin, En. Zamri Zainal Abidin dan Datuk Prof. Madya Dr Abu Bakar Mohamad Diah. Pada 30 Ogos pula, acara “Merdeka Eco-Challenge” diadakan di sekitar kawasan Ayer Keroh. Kemeriahan sambutan kemerdekaan pada kali ini diakhiri dengan acara kemuncak iaitu Perbarisan Kemerdekaan pada 31 Ogos yang telah diadakan di Dataran Banda Hilir.



## SOROTAN PESTA KONVO UTeM KE-4

Pesta Konvokesyen UTeM ke-4 telah berlangsung dengan jayanya selama 3 hari bermula 8 hingga 10 Ogos 2008. Pesta yang dianjurkan bersempena dengan Majlis Konvokesyen UTeM ke-4 telah diadakan di perkarangan MITC, Ayer Keroh. Pesta yang bertemakan “Kerian Melestarikan Perpaduan” telah memuatkan pelbagai acara dan aktiviti yang dijalankan selama 3 hari. Acara bermula seawal 7 pagi, 8 Ogos 2008 dengan program senamrobik yang turut dihadiri YAB Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Dr. Haji Mohd Ali Bin Mohd Rustam. Program ini juga turut disertai oleh Pegawai-pegawai Kanan UTeM, staf-staf UTeM, pelajar-pelajar UTeM dan pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Ayer Keroh.

Majlis Perasmian pula telah diadakan pada sebelah petang pada tarikh yang sama. Acara perasmian telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Tan Sri Dr Johari Bin Mat, Pro Canselor UTeM. Sebagai simbolik majlis perasmian tersebut, Y. Bhg Pro Canselor telah melaksanakan “Flag-off” bagi acara Formula Varsity Race. Antara acara-acara menarik yang telah diadakan sepanjang pesta tersebut seperti persembahan Nasyid Kumpulan Raihan dan Instinct dan Forum Perdana yang mana penceramah terdiri daripada Y. Bhg. Prof Dato’ Dr Yusoff Hussain, Y. Bhg. Dr Muhammad Uthman El-Muhammady dan Y. Bhg. Ustaz Ann Wan Seng.

Kemeriahan selama 3 hari ini telah diakhiri dengan persembahan sebuah konsert penutup yang dibarisi oleh artis seperti Pija Mentor, Mus May dan Asheed Def Gab C.





## Laporan Ziarah Seni UMK / UMP

Exco Kebudayaan, Keseniaan & Warisan dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni telah mengadakan program Ziarah Seni ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 14 - 17 Ogos 2008. Program yang julung-julung kalinya diadakan ini telah disertai oleh 23 orang pelajar yang merupakan ahli kelab kebudayaan.

Program ini adalah bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim masyarakat kampus yang terdiri daripada pelbagai kaum yang datang dari pelbagai pelusuk negeri dan memupuk minat mahasiswa dalam dunia seni budaya kebangsaan dan melahirkan rasa cinta terhadap budaya warisan negara. Selain itu juga, ia dapat melahirkan daya kreativiti dan ketrampilan mahasiswa dengan mencetuskan idea-idea yang mampu meningkatkan nilai seni di peringkat yang lebih tinggi dan memupuk nilai-nilai murni dikalangan mahasiswa dalam menjiwai kehalusan seni, kesabaran dan kerjasama dalam ahli pasukan selain memberi pendedahan kepada pelajar tentang aktiviti kesenian yang masih wujud di Malaysia agar dapat dijadikan sebagai satu pengetahuan yang dapat disebarluaskan secara meluas.



Pada 15 - 17 Ogos 2008, Kem Sri Raudah Gombak, Kuala Lumpur : Seramai 67 orang peserta, 20 orang fasilitator dan 3 orang pegawai pengiring telah menyertai Kem Waja Diri Mahasiswa Perkasa Siri 2/2008. .

Objektif utama program ini dianjurkan bagi melahirkan siswa siswi UTeM yang terbilang dan sentiasa prihatin terhadap keadaan sekeliling. Siswa siswi UTeM yang terbilang adalah mereka yang peka terhadap ancaman-ancaman yang ada di sekeliling mereka dan seterusnya tahu bagaimana untuk mengatasi dan menyelesaikan ancaman tersebut.

Tiga hari berkampung di kem berkenaan, peserta tidak terlepas daripada menyertai beberapa aktiviti yang disediakan. Mereka diterapkan dengan beberapa modul bagi menguatkan pegangan prinsip hidup seperti penganalan potensi diri, seperti Ceramah Bertajuk "Kepimpinan Menurut Islam dan Latihan Mempertahankan Diri dan Demontrasi bagi meningkatkan kemahiran dalaman atau 'softskill' bagi memperkasakan kekuatan dalaman diri. Selain itu terdapat aktiviti siri latihan fizikal seperti 'Paintball'/'High Ropes'/'Night Walk dan Jungle Trekking. Aksi ini bukan sekadar suka-suka tetapi untuk melihat seteguh mana kekuatan mana kekuatan semangat, emosi dan fizikal peserta yang mengambil bahagian kem bina semangat yang dianjurkan.

Pengaruh program berkenaan, Nik Mohd Fakhrudin Bin Nik Mat berkata program ini sebahagian daripada langkah menyuntik semangat berjuang di kalangan mahasiswa dengan objektif supaya mereka tahan menghadapi cabaran hidup. Menurutnya, biar pun aktiviti yang disediakan agak lasak, ia bertujuan menguji fizikal dan mental mahasiswa sekali gus membina keyakinan diri. Nampaknya program ini berjaya mereka haruninya hingga tamat.

Sepanjang kem mereka dilihat saling bekerjasama biarpun sebelum ini saling tidak mengenali. Ini satu permulaan baik untuk membentuk hubungan mesra sehingga berkekalan di kampus.

## Kem Waja Diri Mahasiswa Perkasa Siri 2/2008



## EKSPEDISI GUNUNG BEREMBUN

15-18 Ogos 2008, Hutan Lipur Air Terjun Chemerong, Dungun, Terengganu: Seramai 28 orang peserta, 10 orang urus setia dan 2 orang pegawai pengiring telah menyertai Ekspedisi Gunung Berembun yang dianjurkan oleh Kelab Rekreasi dan Sukan Ekstrim (KeReX) dengan kerjasama Unit Alumni & Kerjaya, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

Gunung Berembun yang mempunyai ketinggian 1459m terletak di Dungun, Terengganu. Gunung ini terkenal dengan khazanah alam yang tidak ternilai. Antaranya pokok cengal gergasi yang berusia 1300 tahun setinggi 65 meter serta merupakan yang tertua dan terbesar yang pernah di jumpai dan spesies keladi gergasi setinggi lebih dua meter. Terdapat banyak flora di gunung ini yang mempunyai nilai perubatan. Puncak air terjun Chemerong merupakan antara air terjun tertinggi di Malaysia.

Ekspedisi Gunung Berembun ini boleh dikatakan pendakian yang menarik kerana hampir sepanjang pendakian akan melalui kawasan air terjun yang cantik dengan pemandangan gunung-ganang yang indah. Ekspedisi ni sesuai untuk menarik minat pelajar-pelajar baru meminati sukan rekreasi ini.

Antara objektif utama program ini adalah bertujuan untuk mencungkil bakat kepimpinan kelab yang baru bagi meneruskan aktiviti di bawah Kelab KeReX. Ia juga adalah sebagai kesinambungan kepada aktiviti pendakian gunung setelah hampir 3 bulan berehat. Selain itu juga, ia dapat memberikan pengalaman praktikal kepada peserta berhubung pelajaran teori yang telah diberikan selain memupuk semangat kerjasama, perpaduan dan kekitaan di kalangan peserta yang terlibat, menguji ketahanan fizikal dan mental para peserta, mengalakkan peserta menggunakan masa lapang dengan cara yang berfaedah dan bermakna, menyemaikan rasa cinta dan hormat kepada alam semulajadi serta memberikan latihan kemahiran di bidang kegiatan luar dan menimbulkan minat peserta terhadap kegiatan luar.



### PROGRAM IHYA' RAMADHAN AHLAN WASAHLAN YA RAMADHAN

4 September 2008 bersamaan 4 Ramadhan 1429H, BADAR (Badan Dakwah & Rohani) dengan kerjasama Unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni & Pusat Islam telah menganjurkan majlis berbuka puasa (Ahlani Wasahlan Ya Ramadhan) di perkarangan masjid Al-Alami, MITC, Ayer Keroh. Program ini diadakan bertujuan untuk meraikan dan mengimarahkan Bulan Ramadhan dengan mengadakan majlis berbuka puasa dan kuliah. Majlis ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada mahasiswa, staf-staf UTeM dan masyarakat setempat. Dianggarkan seramai 600 orang yang hadir pada malam tersebut.

Turut hadir sama Naib Canselor UTeM, Yg. Bhg. Prof. Dr. Ahmad Yusoff Bin Hassan, Timbalan Naib Canselor, Yg. Bhg. Dato' Prof. Dr. Abu Bin Abdullah dan juga Dekan HEPA, Prof. Dr. Zolkepli b. Buang. Majlis pada malam tersebut diserikan lagi dengan kuliah yang disampaikan oleh penceramah jemputan yang dijemput khas daripada luar iaitu Yg. Bhg. Tn. Hj. Mohd Nazeri bin Hj. Zainal. Diharap agar program seperti ini dapat diadakan untuk tahun-tahun yang akan datang sebagai kesinambungan aktiviti kerohanian di peringkat universiti.



### Mencari Mutiara Lailatul Qadar 2008/1429H

20-21 September 2008 (Sabtu-Ahad) bertempat di Masjid Al-Alami, MITC, Ayer Keroh. Satu program iaitu Program Ihya' Ramadhan Mencari Mutiara Lailatul Qadar anjuran Badan Dakwah & Rohani (BADAR) dengan kerjasama Unit Kerohanian, Bahagian Hal Ehwal Pelajar & Alumni dan Pusat Islam telah diadakan dengan jayanya. Pada program tersebut dianggarkan seramai 180 orang peserta telah menyertai yang terdiri daripada mahasiswa/i UTeM dan masyarakat setempat serta beberapa pelajar daripada Universiti Multimedia (MMU) cawangan Melaka turut sama menghadiri program tersebut.

Program bermula pada pukul 6.30 petang (Sabtu) dan berakhir pada jam 7.00 pagi (Ahad). Antara program yang diadakan ialah acara berbuka puasa, solat maghrib, solat isya' dan solat terawikh berjemaah. Acara diserikan lagi dengan sesi Ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Rejab. Setelah berakhir, peserta (Muslimin dan Muslimat) ber'tikaf dan tidur di dalam Masjid dan bangun semula pada pukul 3 pagi untuk melakukan Qiamullai (Solat-solat Sunat) yang diimamkan oleh Ustaz Rejab sehingga solat subuh dan kuliah subuh bersama-sama. Di harap, agar program seperti ini dapat dilakukan dengan kerap agar dapat menanam ketaqwaan dan keimanan di dalam diri muslimin dan muslimat.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

### Sambutan Hari Raya Hepa Meriah !!

Tanggal 15 Oktober 2008 (Rabu) adalah satu tarikh keramat yang begitu bermakna bagi semua staf UTeM terutama staf HEPA. Pada tarikh itu, satu Majlis Jamuan Hari Raya Peringkat Universiti telah diadakan bertempat di kampus Industri UTeM. Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan menu turun temurun iaitu "sup gear-box". Selain menu "sup gear-box", HEPA juga telah menyediakan pelbagai juadah dan menu seperti Mee Hoon Sup, Mee Soto, Roti dan sebagainya. Kegembiraan dan keriangannya semua staf HEPA tergambar apabila berganding bahu bersama menghiasi gerai yang telah disediakan dan suasana pada ketika itu amat meriah sekali.

Program yang telah dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Y.Bhg Dato' Dr. Mohd Taib Bin Hashim ini dapat mengeratkan lagi tali silaturrahim di antara staf UTeM lebih-lebih lagi staf HEPA yang mana keseluruhannya mengambil inisiatif dan berkerjasama bagi menjayakan program tersebut. Majlis Jamuan Hari Raya di peringkat Universiti ini tidak terhenti setakat itu sahaja malah disusuli

dengan Majlis Malam Gemilang Aidilfitri 2008 yang akan diadakan di Kolej Kediaman UTeM Taman Tasik Utama pada 22 Oktober. Manakala pada 23 Oktober 2008 pula, Program Mesra Aidilfitri akan diadakan di Kolej Kediaman UTeM Murni dan diakhiri dengan Jamuan Hari Raya HEPA pada 24 Oktober 2008 yang akan diadakan di Pejabat hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Kampus Industri. Semoga Hari Raya pada kali ini dapat dirayakan dan disambut dengan penuh rasa keinsafan dan kemeriahan.



## Moon Festival UTeM 2008



Moon Festival UTeM 2008 telah berjaya diadakan pada 20 September 2008, jam 7.30 malam bertempat di Kompleks Sukan, Kampus Induk UTeM. Seramai 59 orang AJK terlibat dalam menayakan program ini. Jualan tiket telah dibuka kepada semua mahasiswa dan mahasiswi UTeM dan seramai 116 orang peserta menghadiri program ini pada malam tersebut.

Majlis pembukaan Moon Festival dirasmikan oleh Encik Amir bin Ali, Pegawai Kebudayaan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Para peserta dijemput menjamu makanan dan kuih bulan yang disediakan dan berkesempatan mengunjungi setiap gerai yang dibuka untuk memenangi kupon percuma serta berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah. Pelbagai acara menarik telah disediakan seperti permainan berkumpulan yang melibatkan para peserta dan AJK. Acara seterusnya, para peserta dan AJK diberi tanglung percuma sambil berjalan di sekitar Kompleks Sukan UTeM.

## MAJLIS ANUGERAH SIJIL KEPUJIAN DEKAN SESI 2-2007/2008

17 Oktober 2008: Ballroom Air Keroh d'Village Resort : Sijil Anugerah Dekan di anugerahkan kepada pelajar-pelajar UTeM yang mendapat GPA 3.50 dan ke atas. Sijil ini merupakan satu penganugerahan Fakulti dan Universiti terhadap kecemerlangan pelajar di dalam bidang Akademik. Penganugerahan Sijil Anugerah Dekan ini merupakan satu pengiktirafan Fakulti dan Universiti kepada pelajar-pelajar yang telah menunjukkan kegigihan, ketekunan, dedikasi dan komitmen yang penuh terhadap pelajaran. Seramai 409 orang pelajar telah menerima Sijil Anugerah Dekan bagi semester 2 Sesi 2007/2008 ini. Perincian mengikut fakulti adalah seperti berikut:

Kursus	Bil.
Fakulti Kejuruteraan Elektrik :	116
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer :	91
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal :	35
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan :	90
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi :	77



## Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka Sesi 2008/2009



Barisan Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Melaka sesi 2008/2009.

Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka Sesi 2008/2009 telah berlangsung pada 16 Oktober 2008 yang lalu. Penggunaan Sistem E-Voting dijalankan buat kali kedua sejak Sesi 2006/2007 dengan bantuan tenaga pakar dari Pusat Komputer UTeM.

Sebanyak 7 kerusi Umum dan 15 kerusi Fakulti dipertandingkan dan pada tahun ini seramai 30 orang pelajar telah menawarkan diri untuk menjadi calon. 9 calon diperingkat Umum dan 21 calon merebut kerusi Fakulti. Kerusi Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dimenangi oleh 3 orang calon tanpa pertandingan manakala Kerusi Fakulti FKEKK, FKE, FKM dan FTMK memperlihatkan pertandingan bagi merebut 3 kerusi Fakulti masing-masing.

Sebanyak 8 pusat pengundian dibuka dari jam 8.30 pagi sehingga jam 5.00 petang. Seramai 53.14% pelajar telah keluar mengundi. Proses penjumlahan undi dijalankan di Dewan UTeM pada pukul 5.00 petang. Keputusan penuh dan pengumuman calon yang menang telah diumumkan oleh Y.Bhg Prof Dr Zolkepli bin Buang selaku Pengerusi Jawatan kuasa Pemilihan MPP UTeM Sesi 2008/2009.

Majlis Pengumuman Keputusan Pemilihan juga dihadiri oleh Y.Bhg Prof Dr Ahmad Yusoff bin Hassan, Naib Canselor UTeM dan En. Hasan bin Sirun, Pendaftar UTeM.

Pihak HEPA mengucapkan tahniah kepada calon yang berjaya dan berharap MPP Sesi 2008/2009 selamat menjalankan tugas untuk kebajikan pelajar khususnya dan kebaikan universiti amnya.

### AKTIVITI KOLEJ KEDIAMAN

#### PROGRAM PERANCANGAN STRATEGIK DAN PEMANTAPAN JAKSIS

Tarikh : 11 – 13 Julai 2008  
 Tempat : Purnama D'Nelayan Beach Resort, Pengkalan Balak Melaka  
 Anjuran : JAKSIS (Kolej Kediaman UTeM Bunga Raya)

##### Coretan

- Program ini melibatkan semua JAKSIS Kolej Kediaman UTeM
- Mengadakan kem kepimpinan pada setiap semester untuk meningkatkan semangat kemahiran kerja dan ukhuwah setiap biro
- Mengadakan jamuan atau perjumpaan antara JAKSIS-JAKSIS bagi berkongsi pengalaman atau kertas kerja
- Mengadakan kem kepimpinan terbuka kepada pelajar yang ingin meningkatkan kemahiran kepimpinan dalam diri masing-masing



#### LAWATAN INTEKTUAL DEWAN PENGINAPAN PELAJAR PETRONAS UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)

Tarikh : 25 – 26 Julai 2008  
 Tempat : Kolej Kediaman UTeM Bunga Raya  
 Anjuran : JAKSIS (Kolej Kediaman UTeM Bunga Raya)

##### Coretan

- Lawatan Deligasi Pintar 2 bertujuan berkongsi pengalaman dan kemahiran dalam menguruskan hal ehwal Kolej Kediaman termasuk teknik pengaturcaraan program aktiviti dan kegiatan penghuni Kolej Kediaman.
- Penyertaan adalah terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Deligasi Pintar 2 Dewan
- Penginapan Pelajar Petronas Universiti Utara Malaysia (UUM) dan JAKSIS Kolej Kediaman UTeM Bunga Raya



#### MAJLIS BACAAN YASIN DAN RAMAH MESRA KOLEJ KEDIAMAN UTeM TTU 2 BERSAMA DEKAN HEPA

Tarikh : 14 Ogos 2008 (12 Syaaban 1429H)  
 Tempat : Kolej Kediaman UTeM Taman Tasik Utama 2  
 Anjuran : Penghuni Kolej Kediaman UTeM TTU 2

##### Coretan

- Majlis ini bertujuan untuk menghidupkan suasana penuh keharmonian serta memberikan peluang kepada pelajar untuk beramah mesra dengan Pentadbir UTeM
- Sesi pengenalan diri dari Ustaz yang dijemput untuk memulakan majlis dengan panduan dan tunjuk ajar sebelum bacaan Yasin dimulakan secara beramai-ramai
- Secara keseluruhannya, majlis ini berjaya mencapai dan merealisasikan apa yang di inginkan oleh pihak pentadbiran apabila pelajar diberi peluang untuk mengajukan sebarang permasalahan secara terus kepada Dekan HEPA (Y. Bhg. Prof. Dr. Zolkepli bin Buang) selaku jemputan kehormat serta Pengetua Kolej Kediaman UTeM TTU



#### PERTANDINGAN SEMANGAT PATRIOTIK SIRI 1 SESI 2008/2009

Tarikh : 16 – 31 Ogos 2008  
 Tempat : Kolej Kediaman UTeM Murni  
 Anjuran : JAKSIS (Kolej Kediaman UTeM Murni)

##### Coretan

- JAKSIS Murni mengambil inisiatif untuk menganjurkan Pertandingan Kebersihan dan Keceriaan Rumah yang melibatkan setiap penghuni Kolej Kediaman UTeM Murni
- Pertandingan Semangat Patriotik ini julung-julung kali diadakan bagi menyahut saranan kerajaan untuk menghidupkan bulan kemerdekaan negara, mengeratkan silaturrahim antara mahasiswa, menyemai sikap tanggungjawab dan memupuk disiplin dan pembinaan sahsiah yang terpuji di kalangan mahasiswa

Pertandingan tersebut dimenangi oleh :

TEMPAT	PESERTA	HADIAH
Johan	Sdr. Muhammad Hafiz bin Abd Razak (B-1-12)	RM 300
Naib Johan	Sdr. Muhammad Azwan bin Amil (B-3-9)	RM 200
Tempat-3	Sdr. Mohd Harith bin Kamaruddin (A-4-2)	RM 100

## AKTIVITI KOLEJ KEDIAMAN

### PROGRAM IHYA RAMADHAN

Tarikh : 1 – 26 September 2008  
 Tempat : Kolej Kediaman Keempat (Kolej Bistari), Universiti Malaya (UM)  
 Anjuran : Biro Kerohanian (JAKSIS), Kolej Kediaman UTeM Murni

#### Coretan

- Objektif Program Ihya Ramadhan ini dapat memastikan bahawa bulan ramadhan dapat dimanfaatkan dengan aktiviti yang berfaedah, mengajak mahasiswa agar menghayati bulan ramadhan, merapatkan hubungan dengan mahasiswa melalui aktiviti yang dijalankan dan memastikan surau terus diimarahkan
- Tema Program Ihya Ramadhan ini ialah “ Ramadhan Pemantap Keimanan “



### LAWATAN MUHIBBAH KE UNIVERSITI MALAYA (UM)

Tarikh : 6 September 2008  
 Tempat : Kolej Kediaman UTeM Murni  
 Anjuran : JAKSIS Kolej Kediaman UTeM Murni

#### Coretan

- Lawatan Muhibbah ini adalah satu aktiviti di mana pelajar dapat mempelajari sesuatu yang tidak diajar di dalam kuliah contohnya kepimpinan dan kemahiran 'softskill' dalam membentuk modal insan yang cemerlang melalui interaksi sosial serta menjana semangat saling bekerjasama dan persaingan sihat



### MAJLIS BERBUKA PUASA DAN SOLAT TERAWIH BERSAMA TNC (Penyelidikan & Inovasi)

Tarikh : 12 September 2008  
 Tempat : Kolej Kediaman UTeM Murni  
 Anjuran : JAKSIS Kolej Kediaman UTeM Murni

#### Coretan

- Majlis ini bertujuan mengajak mahasiswa agar menghayati bulan ramadhan, mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara pelajar-pelajar dan staf-staf UTeM dan khususnya dengan Pegawai-pegawai Kanan dan menggalakkan pelajar-pelajar melakukan ibadah puasa secara berjemaah demi mengeratkan Ukhwah Islamiah



### PROGRAM CABARAN SIBER MURNI

Tarikh : 13 - 14 September 2008  
 Tempat : Pusat Siber (Kolej Kediaman UTeM Murni)  
 Anjuran : Kolej Kediaman UTeM Murni

#### Coretan

- Program Cabaran Siber Murni ini merupakan salah satu program untuk mempromosikan kemudahan Pusat Siber yang terdapat di Kolej Kediaman UTeM Murni seperti komputer, printer dan internet. Justeru itu, dengan adanya Program Cabaran Siber Murni ini dapatlah dijadikan salah satu platform utama kepada mahasiswa untuk turut serta memeriahkan program dan aktiviti yang dijalankan seperti pertandingan berbentuk permainan seperti :

#### Pertandingan Counter Strike

Johan	RM 120
Naib Johan	RM 100
Tempat-3	RM 80
Saguhati	RM 50 (3 orang)

#### Pertandingan Pro Evolution

Johan	RM 60
Naib Johan	RM 50
Tempat-3	RM 40
Saguhati	RM 30 (3 orang)

### PROGRAM TAUTAN KASIH BERSAMA ANAK YATIM DI RUMAH ANAK YATIM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ, PANTAI PUTERI MELAKA

Tarikh : 21 September 2008  
 Tempat : Rumah Anak Yatim Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj, Pantai Puteri Melaka  
 Anjuran : JAKSIS Kolej Kediaman UTeM Murni

#### Coretan

- Program Tautan Kasih ini diadakan bagi memberi manfaat dan impak positif di dalam diri mahasiswa agar sentiasa peka terhadap golongan yang lebih memerlukan dan wujud interaksi sosial dengan masyarakat sekeliling. Objektif program ini adalah bertujuan menggalakkan mahasiswa untuk mencurahkan bakti untuk melakukan kerja-kerja amal yang dianjurkan, melatih mahasiswa dengan nilai "soft skills" pada diri mereka dan dapat mengaplikasikannya kepada realiti kehidupan sebenar, menjalin hubungan kerjasama dikalangan mahasiswa meliputi soal-soal kepimpinan, keupayaan, team-working dan sebagainya, mendekatkan diri mahasiswa dengan masyarakat sekeliling dan mewujudkan rasa prihatin terhadap golongan yang lebih memerlukannya. Tema Program Tautan Kasih ini ialah “ Masih Ada Yang Sayang “



### Staf HEPA Ke Jabatan Lain



**SHARNIZA BTE ZAINUDIN**  
PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) KE FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL



**RAFEDAH BTE SAJADI**  
PEMBANTU TADBIR (P/O) KE PEJABAT PENDAFTAR



**SITI FAIRUS BTE ABU BAKAR**  
PEMBANTU TADBIR (P/O) KE PEJABAT PENDAFTAR



**ARDIANA BTE HJ. ABDUL LATIF**  
PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) KE FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER



**MASWATEE BINTI ABD GAFFAR**  
PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) DR. BPAK, CANSOLORI



**AZLINA BINTI AMZAH**  
PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) DR. PEJABAT NAIB CANSOLOR, CANSOLOR



**SITI ROHEIZAH BTE. MOHNI**  
PEMBANTU TADBIR (KESETIAUSAHAAN) BHGN. PENTADBIRAN DAN KEWANGAN Dari PERPUSTAKAAN



**MAZLAN BIN MAHAT**  
PEMBANTU TADBIR (P/O) Dari PEJABAT PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN ASET



**MOHD SAHARUDIN BIN ABDUL RAHMAN**  
PEMBANTU TADBIR (P/O) Dari JABATAN KOKO



Nama: **HASSAN BIN ATAN**  
Jawatan: PENGETUA KEDIAMAN LUAR



Nama: **SULAINA BINTI KAMARDIN @ KAMARUDIN**  
Jawatan: FELO SISWI (BLOK A) KOLEJ KEDIAMAN TAMAN TASEK UTAMA 3



Nama: **KHAIRUDDIN BIN OSMAN**  
Jawatan: FELO KEDIAMAN LUAR KAWASAN DURIAN TUNGGAL



Nama: **SURIYANTI BINTI KASBAN**  
Jawatan: FELO KEDIAMAN LUAR KAWASAN BATU BERENDAM



Nama: **NORAINI BINTI HUSIN**  
Jawatan: FELO KEDIAMAN LUAR KAWASAN TAMAN MUZAFFAR & AYER KEROH HEIGHT

### Staf HEPA Dari Jabatan Lain

## Sekalung Tahniah

Selamat Pengantin Baru diucapkan kepada kakitangan BHEPA yang telah mendirikan rumah tangga. Semoga berbahagia sehingga ke akhir hayat.

Puan Adawiyah Bte Md Jani, Penolong Pegawai Tadbir, Unit Kenderaan yang telah mendirikan rumah tangga bersama jejaka idamannya, Wan Ahmad Fairul Hafiz Bin Wan Adnan pada 24 Mei 2008 di Kg. Bukit Pegoh, Pernu, Melaka.

En. Mohd Faizal Bin Ghazali, Penyelia Asrama yang telah mendirikan rumah tangga bersama wanita idamannya, Pn. Marzita Bte Hamzah pada 10 Ogos 2008 di Bukit Beruang, Melaka.

Tahniah diucapkan kepada kakitangan BHEPA yang telah menerima 'kehadiran' ahli baru dalam keluarga mereka. Semoga dengan hadirnya ahli baru ini menambahkan lagi kebahagiaan rumah tangga kalian.

### Selamat Datang Staf Baru Ke HEPA



Nama: **HADIBAH BINTI TAHIR**  
Jawatan: PEGAWAI PSIKOLOGI UNIT KAUNSELING & KEMAJUAN AKADEMIK PELAJAR



Nama: **MUSLIHA BINTI YUSOFF**  
Jawatan: PEGAWAI PSIKOLOGI UNIT KAUNSELING & KEMAJUAN AKADEMIK PELAJAR



Nama: **ZAINI BIN ABBAS**  
Jawatan: PENOLONG PEGAWAI KEBUDAYAAN UNIT KEBUDAYAAN & WARISAN



Nama: **NOORAZNINA IRMA BINTI MUSTAFA**  
Jawatan: PEMBANTU TADBIR (P/O)



Nama: **MOHAMAD SAIFUL BIN SAHAR**  
Jawatan: PEKERJA AWAM KOLEJ KEDIAMAN TAMAN TASEK UTAMA



Nama: **MOHAMMAD RAFIEE BIN SUKIMAN**  
Jawatan: PEKERJA AWAM KOLEJ KEDIAMAN BUNGA RAYA



Nama: **NOOR YUSNIZA BTE YUSOFF**  
Jawatan: PEMBANTU TADBIR (P/O) UNIT KEUSAHAWANAN



Nama: **ROSMIZA BTE MOHD SAAD**  
Jawatan: PEMBANTU KEBUDAYAAN UNIT KEBUDAYAAN & WARISAN



Nama: **NURUL AFIZA BTE BAHARI**  
Jawatan: PEMBANTU TADBIR (P/O)




Nama: **JURAIDA BTE JAMALUDDIN**  
Jawatan: PEMBANTU FARMASI



Pn. Nor Azlina Binti Md Aris  
Pembantu Tadbir (Kewangan)  
Nama Anak: Luqmanul Hakim Bin Ahmad Fyruil Azmi  
Tarikh Lahir: 3 Jun 2008  
Tempat Lahir: Hospital Besar Melaka



Pn. Rafedah Bte Sajadi  
(Pembantu Tadbir P/O), Unit Kerohanian, berpindah ke Pejabat Pendaftar  
Nama Anak: Afrina Qaisara Bte Muhammad Rasdan  
Tarikh Lahir: 5 September 2008  
Tempat Lahir: Hospital Besar Melaka



Pn. Huzaimah Bt Husin  
(Jururawat, Klinik Pelajar)  
Nama Anak: Hana Humaira Bte Hazizan  
Tarikh Lahir: 14 Julai 2008  
Tempat Lahir: Hospital Besar Melaka

## PENYESUAIAN DIRI DI TEMPAT KERJA BARU

Oleh : Dimashque

ARTIKEL PILIHAN



Peluang mendapatkan tawaran pekerjaan semestinya satu berita yang amat mengembirakan. Lebih-lebih lagi apabila sesuatu pekerjaan yang dipohon dan diidam-idamkan selama ini. Justeru itu, ada mereka yang terpaksa menerima sesuatu pekerjaan oleh kerana sebab-sebab tertentu. Namun begitu, seseorang itu seharusnya menerapkan nilai rasa bersyukur ke atas pekerjaan yang telah ditawarkan oleh sesebuah organisasi, kerana masih ramai di luar sana yang sedang menanti tawaran pekerjaan demi meneruskan kehidupan.

Malah tidak dinafikan, dalam memulakan pekerjaan di tempat yang baru, ada kalanya pelbagai perasaan menghantui diri seseorang. Rasa takut, gemuruh, bimbang, tidak yakin dan sebagainya boleh terjadi sekiranya seseorang yang "baru" dalam bidang pekerjaan tidak dapat mengawal pelbagai perasaan yang dialami, semuanya harus ditolak ke tepi. Walaubagaimanapun, anda seharusnya yakin dengan diri sendiri supaya membuatkan anda lebih bersedia untuk memikul tugas yang baru. Anda juga seharusnya menjadikan tugas baru anda sebagai satu cabaran dalam memajukan diri agar terus melangkah ke hadapan tanpa dibelenggu pelbagai perasaan. Justeru itu, dalam menghilangkan sebarang perasaan yang membuatkan anda merasa "kurang selesa", apa kata jika anda mengikuti tip-tip bagi memudahkan anda menyesuaikan diri di tempat kerja baru.

### 1) Kenali rakan pejabat

Memperkenalkan diri kepada rakan-rakan sepejabat adalah perkara utama yang perlu diberi perhatian. Anda tidak digalakkan

bersikap "Kera Sumbang" kerana boleh membantutkan segala gerak-geri anda di tempat kerja. Justeru itu, anda digalakkan untuk bersikap peramah agar anda mudah didekati dan dirapati oleh rakan-rakan sepejabat. Jangan lupa untuk memberikan 'senyuman' kerana di dalam Islam, senyuman adalah suatu sedekah dan juga merupakan suatu ibadah. Jika anda mempunyai masa terluang, gunakanlah kesempatan untuk bertanyakan tentang perihal skop tugas arag segala tindak-tanduk yang dilakukan disenangi dan tidak dianggap sumbang.

### 2) Kenal pasti skop tugas

Anda sewajarnya digalakkan untuk mngetahui skop tugas kerja sebaik anda ditawarkan untuk memegang jawatan yang diberikan. Namun, diperingkat awal 'kekaburan' berhubung bidang kerja bukanlah suatu perkara yang luar biasa. Anda juga digalakkan menggunakan masa 2 bulan pertama tempoh bekerja sebagai tempoh pembelajaran. Dalam waktu itu, anda boleh membuat semakan secara terperinci segala perkara-perkara yang berkaitan dengan skop tugas anda agar lebih memahami dalam melakukan tugas-tugas yang diberikan kepada anda.

### 3) Lakukan tugas anda sebaiknya

Apabila anda berhadapan dengan tugas-tugas yang diberikan setiap hari, ia akan mengajar anda supaya lebih mahir dalam melakukan tugas harian. Di peringkat awal, sekiranya anda melakukan 'persembahan' yang memuaskan, ia cukup untuk menggembirakan bos dan rakan sekerja anda dengan hasil kerja yang dilakukan. Namun begitu, anda tidak digalakkan melakukan sambil lewa tugas-tugas yang diberikan. Justeru itu, anda harus memastikan dapat melakukan sesuatu pekerjaan dengan sesempurna mungkin.


### 4) Kekalkan semangat kerja

Dalam mengekalkan semangat kerja yang jitu, anda dinasihatkan agar memperluaskan lagi pergaulan anda. Sekurang-kurangnya dengan cara

tersebut, anda boleh bertukar-tukar pendapat tentang sesuatu perkara sekaligus mendapatkan idea-idea yang baru untuk diaplikasikan di dalam tugas harian anda. Anda juga digalakkan bertanya mengenai hasil tugas yang anda lakukan. Dengan pujian-pujian yang diberikan oleh bos dan rakan sekerja, ianya dapat menaikkan semangat untuk anda terus bekerja keras. Namun sekiranya hasil kerja anda dikritik, jangan pula anda terus-menerus putus asa. Gunakanlah kritikan itu sebagai pengajaran untuk terus berjaya melangkah ke hadapan.

### 5) Menilai prestasi kerja anda

Setelah lebih kurang 2 bulan anda bekerja adalah masa yang sesuai untuk menilai prestasi kerja yang anda lakukan. Kalau anda berani dan bersedia, apa kata anda bertanyakan kepada bos anda mengenai prestasi kerja anda. Dengan cara itu, anda dapat mengenalpasti beberapa 'kelemahan' yang perlu diperbaiki. Yang pasti, setiap teguran atau kritikan yang diterima haruslah dijadikan proses pembelajaran untuk menjadi pekerja yang berkualiti serta berjaya. Ingatlah, bahawa setiap teguran, kritikan, nasihat atau tunjuk ajar yang diberikan adalah satu bentuk 'penghargaan' kepada diri anda.



TAHNIAH

## PEMAIN MUDA UTEM KROONS NAIB JOHAN KATEGORI PLATE DI COMBAT 10S

**23 dan 24 Ogos 2008:** Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyertai Kejohanan Jemputan Ragbi Combat 10 sebelah anjuran Universiti Tun Hussein Onn Malaysia bersempena Majlis Konvokesyen Universiti tersebut. Seramai 15 orang pemain dipilih untuk mewakili UTeM Kroons. Pada kejohanan tersebut, UTeM Kroons telah disenaraikan di kumpulan D bersama-sama dengan Politeknik Merlimau Melaka Hornet (PMM Hornet), KPMIM Impact, Politeknik Sultan Mizan dan Bekas Pelajar UTHM (Ex-Owl).

Pada hari pertama perlawanan, UTeM Kroons menentang PMM Hornet dan telah memenangi perlawanan tersebut dengan mata 12-0. Berbekalkan kemenangan pertama, UTeM Kroons beraksi pada perlawanan kedua dengan menentang KPMIM Impact dan telah memenanginya dengan mata 12-0. Sebelah petangnya pula, permainan UTeM Kroons semakin hangat dan telah memenangi baki dua perlawanan tersebut. Dengan semangat yang berkobar-kobar, UTeM Kroons telah ditakdirkan untuk menentang Politeknik Sultan Mizan dan terpaksa akur dengan kekalahan dengan mata 0-5. Pada perlawanan terakhir peringkat kumpulan, nasib tidak menyebelahi UTeM Kroons apabila sekadar seri 0-0 dengan pasukan bekas pelajar UTHM.

Pada hari kedua, lawan UTeM Kroons pada pusingan suku akhir adalah Navy Scorpene. UTeM Kroons bermula garang dengan menguasai perlawanan, namun begitu UTeM Kroons telah tewas di tangan pasukan tentera laut itu dengan mata 0-5 dan layak ke separuh akhir bagi kategori plate. Kemudiannya, UTeM Kroons menentang Politeknik Johor Baru untuk separuh akhir bagi kategori plate. Di dalam perlawanan tersebut, kedua-dua pasukan terikat 0-0 sehingga ke akhir perlawanan. Perlawanan itu terpaksa ditentukan dengan penalti drop kick. UTeM Kroons telah memenangi dengan penuh gaya melalui tendangan penalti yang kemas dengan mata 3-2 dan layak ke perlawanan akhir bagi kategori plate.

Pada perlawanan akhir, UTeM Kroons telah bertemu Politeknik Sultan Mizan yang telah menewaskan UTeM Kroons pada peringkat kumpulan. UTeM Kroons bermula garang dengan mendahului lawan 7-0 pada separuh masa pertama. Namun begitu, kealpaan UTeM Kroons pada separuh masa kedua dimanfaatkan pihak lawan untuk menyamakan kedudukan kepada 7-7. Pada minit terakhir perlawanan, kekekaan UTeM Kroons yang tidak dapat mengawal kubu sendiri ditewaskan oleh Politeknik Sultan Mizan dengan pungutan mata 12-7 sekaligus menempatkan UTeM Kroons sebagai Naib Johan perlawanan akhir kategori plate.

**Tahniah UTeM Kroons!!!!**



## UTeM KROONS PERLU BANYAKKAN PENYERTAAN -KEJOHANAN ANJURAN LUAR

**29 dan 30 Ogos 2008:** Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menyertai kejohanan Jemputan Ragbi Merdeka 10 sebelah yang dianjurkan oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Seramai 15 orang pemain muda telah dipilih untuk mewakili UTeM Kroons untuk menyertai kejohanan tersebut di bawah pimpinan saudara Reza Assad bin Zakaria, pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) yang bertindak sebagai kapten pasukan ini.

Pada kejohanan tersebut, UTeM Kroons telah diletakkan di kumpulan D bersama-sama dengan Kuala Terengganu Rugby Club (KTRC), UiTM Machang, Akademi Laut Malaysia (ALAM), dan UMT 'B'. Pada hari pertama, lawan UTeM Kroons yang pertama ialah Akademi Laut Malaysia (ALAM) dan UTeM Kroons telah memenangi perlawanan tersebut dengan mata 15-0. Berbekalkan kemenangan pertama, UTeM Kroons beraksi pada perlawanan kedua dengan menentang Kuala Terengganu Rugby Club (KTRC) KTRC yang merupakan juara bertahan kejohanan tersebut telah menewaskan UTeM Kroons dengan mata 10-0.

Pada sesi sebelah petang, UTeM Kroons menentang UiTM Machang dan UTeM Kroons telah memenangi dengan mata 5-0. Pada perlawanan terakhir peringkat kumpulan menentang UMT 'B', UTeM Kroons telah menang perlawanan tersebut dengan mata 20-0 dan berjaya memungut 12 mata dalam peringkat kumpulan dan menghuni tangga kedua dalam kumpulan D.

Manakala, Pada hari kedua kejohanan, lawan UTeM Kroons pada pusingan suku akhir adalah Sultan Sulaiman Old Boys (SSOB). UTeM Kroons bermula garang dengan mendahului SSOB pada separuh masa pertama dengan 7-0. Namun begitu, kekekaan UTeM Kroons telah ditewaskan dengan mata 12-7. Dengan kekalahan kepada SSOB, UTeM Kroons kemudiannya menentang UMT 'A' untuk separuh akhir bagi kategori plate. Perlawanan tersebut terikat 0-0 pada separuh masa pertama. Namun begitu, kesilapan ketika bertahan pada minit terakhir separuh masa kedua memberi peluang kepada UMT 'A' untuk mengutip mata dan memenangi perlawanan dengan mata 5-0.

Keputusan akhir bagi perlawanan ini, INSTEP memenangi kategori bowl setelah menewaskan UiTM Pulau Pinang. Bagi kategori plate, dimenangi oleh UMT 'A' setelah menewaskan UiTM Pahang. Manakala, KTRC berjaya menewaskan SSOB bagi memastikan kategori cup menjadi milik mereka dan mempertahankan kejuaraan. Walaubagaimanapun, pihak pengurusan UTeM Kroons amat berpuashati dengan pencapaian pemain-pemain muda dan akan terus berusaha mencari kejohanan-kejohanan yang dianjurkan pihak luar bagi meningkatkan pengalaman dan mengasah bakat para pemain UTeM sekaligus meningkatkan lagi mutu sukan ragbi di UTeM. Seperti kata pepatah, "Kalau tak dipecahkan ruyong, Manakan dapat sagunya".

**UTeM KROONS PERLU BANYAKKAN PENYERTAAN  
KEJOHANAN-KEJOHANAN ANJURAN LUAR**

